



Jurnal Qiraat

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2024, Vol 7, Bil 1, Halaman 67-76

TATACARA PENGENDALIAN PROSES PELUPUSAN CETAKAN AYAT AL-QURAN: KAJIAN KES DI PUSAT PEMURNIAN AL-QURAN DAN KITAB ROSAK DI KULIM, KEDAH

Procedures For Handling the Disposal Process of Printed Quranic Verses: A Case Study At The Center For Quran Purification And Damaged Books In Kulim, Kedah

**Mahmud Lutfi Abd Hadi^{1*}, Sharifah Noorhidayah Syed Aziz,² Mohd Mahfuz Jaafar³
Muhammad Izzat Ngah⁴, Nur Wadiah Asri⁵**

¹ Pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor.

² Pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

³ Pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

⁴ Pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

⁵ Pelajar Sarjana Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia

*Corresponding Author: Mahmud Lutfi Abd Hadi, Fakulti Pengajian Peradaban Islam Universiti Islam Selangor Bandar Seri Putra Kajang Selangor mahmudlutfi@uis.edu.my 0192177328 ORCID iD.

Artikel dihantar: 24 April 2024

Artikel diterima: 10 Jun 2024

Artikel diterbitkan: 29 Jun 2024

ABSTRACT

The disposal of Quranic materials involves the reverent and sanctified destruction of damaged, worn-out, or unusable sacred texts, performed with sincere intent to uphold their sanctity. Adherence to Shariah-compliant methods is essential, guided by religious authorities or scholars to ensure correct procedures. Due to a lack of awareness, many Muslims overlook proper methods for disposing of materials containing Quranic verses. This paper aims to educate on Shariah-compliant disposal methods for such printed materials. Using a qualitative case study approach, this research focuses on the Center for Quran and Damaged Books Purification (PPMAQ) in Kulim, Kedah, Malaysia. PPMAQ is recognized as the country's largest Quran disposal center, emphasizing meticulous handling and preparation. Given the materials' sacred nature, the disposal process at PPMAQ underscores respect and meticulous care. This study underscores PPMAQ's commitment to Shariah principles in managing Quranic materials, ensuring the preservation of their sanctity throughout the disposal process. This study is crucial in validating the implemented handling procedures and ensuring optimal preparation in the disposal process of Quranic verses.

Keywords

Quran, Disposal, Quran Disposal, Issues and challenges



ABSTRAK

Pelupusan Al-Quran merupakan satu cara pemusnahan teks-teks suci yang rosak, usang, dan juga Al-Quran yang tidak boleh digunakan perlu dengan cara yang terhormat dan memelihara kesucian kitab suci ini. Kebanyakan umat Islam kurang prihatin untuk melupuskan bahan bercetak ini kerana kekurangan pengetahuan dan kesedaran mengenai kaedah patuh Syariah untuk melupuskan bahan-bahan yang mengandungi ayat-ayat Al-Quran. Tujuan penulisan ini diadakan adalah untuk mendidik masyarakat mengenai kaedah-kaedah yang mematuhi undang-undang Syariah bagi melupuskan bahan bercetak yang mengandungi ayat-ayat al-Quran. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes. Penyelidikan ini dijalankan di Pusat Pembersihan Al-Quran dan Buku-Buku Rosak (PPMAQ) di Kulim, Kedah, yang menjalankan pembersihan dan pelupusan yang mendapati PPMAQ merupakan pusat pelupusan al-Quran terbesar di Malaysia yang menjalankan proses pelupusan al-Quran. Antara persiapan sebelum mengendalikan proses pelupusan ialah mendirikan kawasan pembakaran, menyediakan peralatan untuk melepaskan blok abu, dan memastikan pengendali dapat mematuhi prosedur pengendalian. Semasa proses pengendalian, ia mesti dijalankan dengan berhati-hati kerana bahan-bahan yang dikendalikan sangat dihormati. Proses pelupusan al-Quran yang dijalankan di PPMAQ selari dengan prinsip menghormati dan memelihara al-Quran. Kajian ini penting dalam membuktikan prosedur pengendalian yang dilaksanakan dan memastikan persiapan terbaik dalam proses pelupusan ayat-ayat al-Quran.

Keywords

Al-Quran; pelupusan; pelupusan al-Quran; isu dan cabaran.

How to Cite: Abd Hadi, M. L., Noorhidayah, S., Ngah, M. I., Jaafar, M. M., & Mohd Asri, N. W. . (2024). TATACARA PENGENDALIAN PROSES PELUPUSAN CETAKAN AYAT AL-QURAN: KAJIAN KES DI PUSAT PEMURNIAN AL-QURAN DAN KITAB ROSAK DI KULIM, KEDAH. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 7(1), 67–76.

DOI: <https://doi.org/10.53840/qiraat.v7i1.76>

1.0 PENGENALAN

Al-Quran merupakan mukjizat agung kurniaan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW dan al-Quran mempunyai kedudukan yang tertinggi dan wajib dihormati. Penghormatan yang dimaksudkan ialah penghormatan ke atas al-Quran dalam segala urusan (al-Nawawi, 1403H). Ia bukan hanya perlu diberi penghormatan dari segi bacaan dan hafazan sahaja, malah dari segi aspek penulisan, pemeliharaan dan pelupusan al-Quran. Imam ad-Dasuqi dalam mazhab Maliki rahimahullah turut menyatakan konsep penghormatan ini bukan sahaja terhadap al-Quran semata-mata malah ianya termasuk kertas atau cetakan yang mengandungi ayat al-Quran, nama-nama Allah, nama-nama Nabi atau perkara seumpamanya yang perlu dipelihara kesuciannya. Ia menjadi suatu kewajipan kepada umat Islam untuk menjaganya dengan baik agar terhindar daripada sebarang kemudarat (ad-Duwaisi, 1416H).

Pada zaman Nabi Muhammad SAW, al-Quran telah dipelihara dan dihafaz oleh para sahabat seterusnya ditulis dengan bimbingan Nabi SAW. Pada peringkat awal, penulisan hadith tidak diizinkan oleh Baginda kerana menurut ulama' ianya dibimbangi akan bercampur aduk antara hadith dengan al-Quran. Sebagaimana yang disebutkan dalam hadith iaitu:

عن أبي سعيد الخدري أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: «لا تكتبوا عني، ومن كتب عني غير القرآن فليُمحُ، وحديثي عني ولا حرج، ومن كذب عليّ - قال همام: أحسبه قال: مُتَعَمِّدًا - فليَتَّبَوْا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

[Rwayat Muslim]



Maksudnya:

Dari Abu Sa'id Al-Khudri bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Janganlah kalian mencatat sesuatu pun dariku (selain al-Quran). Siapa yang mencatat dariku selain al-Quran, hendaklah dia menghapusnya. Sampaikanlah (apa yang kalian dengar) dariku dan tidak ada dosa (bagi kalian). Siapa yang berdusta atas namaku dengan sengaja, hendaklah dia menempati tempat duduknya dari api neraka".

Selepas kewafatan Baginda, dan berlakunya beberapa peristiwa yang menggugat kelestarian al-Quran, timbul kebimbangan para sahabat bagaimana untuk memelihara hafazan al-Quran tersebut agar hafazan terus dihafaz oleh umat Islam dan dipelihara hingga ke akhir zaman.

Al-Quran mula dikumpulkan pada zaman Saidina Abu Bakar dengan usaha para sahabat yang bertungkus-lumus mengumpulkan kesemua ayat-ayat al-Quran yang dihafaz para Huffaz. Pada era seterusnya hingga ketika pemerintahan Saidina Uthman bin Affan, Islam semakin berkembang dan semakin ramai orang bukan berbangsa Arab memeluk Islam. Kemudian, berlaku peperangan Armenia dan Azerbaijan dan telah terjadi pergeseran antara pasukan sesama muslim disebabkan berlainan bacaan Qiraat. Maka atas usaha menjaga ayat-ayat Al-Quran dan masalah umat Islam, mushaf Al-Quran yang ada telah disalin menjadi beberapa mushaf yang mengandungi kelainan Qiraat. Hanya mushaf-mushaf yang disalin itu sahaja dibenarkan untuk disimpan dan selain daripada itu diperintahkan untuk dibakar. Oleh itu, lembaran-lembaran ayat al-Quran dan mushaf yang disalin oleh para sahabat lain perlu dilupuskan untuk mengelakkan salah faham dan kekeliruan umat Islam (Muhammad Nasrul Azim & Zulfahmi Mohamad, 2022).

Antara kaedah menghapuskan salinan al-Quran adalah membakarnya. Seperti hadis Anas r.a. yang berbunyi:

حدثنا موسى، حدثنا إبراهيم، حدثنا ابن شهاب أن أنس بن مالك حدثه: أن حذيفة بن اليمان قدم على عثمان، وكان يغاري أهل الشام في فتح إرمينية وأذربيجان مع أهل العراق، فأفرغ حذيفة اختلافهم في القراءة، فقال حذيفة لعثمان: يا أمير المؤمنين، أدرك هذه الأمة قبل أن يختلفوا في الكتاب، اختلاف اليهود والنصارى، فأرسل عثمان إلى حفصة: أن أرسلي إلينا بالصحف ننسخها في المصاحف ثم نردها إليك، فأرسلت بها حفصة إلى عثمان، فأمر زيد بن ثابت، وعبد الله بن الزبير، وسعيد بن العاص، وعبد الرحمن بن الحارث بن هشام، فنسخوها في المصاحف، وقال عثمان للرهط القرشيين الثلاثة: إذا اختلفتم أنتم وزيد بن ثابت في شيء من القرآن فاكتبوه بلسان قريش، فإنما نزل بلسانهم، ففعلوا، حتى إذا نسخوا الصحف في المصاحف رد عثمان الصحف إلى حفصة، وأرسل إلى كل أفق بمصحف مما نسخوا، وأمر بما سواه من القرآن في كل صحيفة أو مصحف أن يحرق.

[Riwayat al-Bukhari]

Berpandukan hadis di atas, kaedah pembakaran untuk tujuan yang tertentu adalah dibolehkan dan ianya telah ada sejak zaman Saidina Uthman lagi. Perbuatan ini disepakati dan tiada dalam kalangan sahabat yang mengingkari perbuatan tersebut (Muhammad Nasrul Azim & Zulfahmi Mohamad, 2022).



2.0 FAKTOR YANG MENYEBABKAN BAHAN CETAKAN YANG MENGANDUNGI AYAT AL-QURAN TIDAK DILUPUSKAN DENGAN BAIK

Menghormati bahan bercetak yang mengandungi ayat al-Quran adalah suatu tuntutan. Samada ianya masih digunakan atau tidak, penghormatan terhadapnya adalah sama. Begitu juga sekiranya ianya telah rosak, tanggungjawab individu untuk menghormatinya masih ada. Menurut satu kajian, kesedaran masyarakat Islam dalam menghormati mushaf al-Quran ini kebiasaannya berfokus kepada mushaf yang baharu, elok dan masih boleh dimanfaatkan sahaja, namun tidak kepada mushaf yang telah lusuh, rosak dan sebagainya (Rahmat Mahdan, 2015). Dan menurut al-Qurtubi (1993), antara kehormatan al-Quran yang wajib dipelihara adalah tidak membiarkan sahaja mushaf yang tidak boleh dibaca dan wajib melupuskan al-Quran tersebut dengan kaedah yang digariskan oleh syarak melalui beberapa kaedah pelupusan yang dibenarkan seperti membakar, menanam atau merendamnya (Qurtubi, 1993; Mohamad Zulkifli al-Bakri, 2014).

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan bahan cetakan ini tidak dikendalikan dengan baik. Antaranya ialah kurangnya ilmu, pendedahan dan maklumat sehingga didapati bahan cetakan ini tidak diuruskan dengan sempurna dan dikendalikan dengan tidak mengikut prosedur yang sewajarnya. Ironinya, masyarakat Islam di Malaysia kurang didedahkan dengan kaedah yang menepati hukum syarak bagi melupuskan bahan cetakan yang mengandungi ayat al-Quran tersebut (Zainudin, 2011; Arieff et.al., 2012; Ahmad Rabiul, 2012). Hal ini turut diperakui oleh segelintir masyarakat yang mengatakan mereka tidak mengetahui bahawa kaedah pelupusan bahan yang mengandungi cetakan ayat al-Quran yang telah diamalkan selama ini adalah bertentangan dengan syarak. Hasil dari tinjauan literatur, antara kaedah pelupusan yang diamalkan oleh masyarakat, mereka hanya menyimpan bahan atau mushaf tersebut di stor penyimpanan sehingga lupus dimakan anai-anai. Terdapat juga masyarakat yang melupuskan dengan cara meracik dan mengoyak sehingga halus bahan cetakan yang mengandungi ayat al-Quran tersebut dan membuangnya ke dalam tong sampah. Selain itu, terdapat segelintir masyarakat yang menghantar bahan cetakan tersebut ke pusat kitar semula dan membuang al-Quran lama bersama longgokan sampah sarap yang lain (Ainul Kauthar, 2017).

Masalah lambakan juga menjadi punca bahan cetakan ini tidak dikendalikan dengan baik. Contoh yang dapat dilihat ialah meningkatnya bilangan masjid, surau dan sekolah. Statistik dari Projek Insinerator Pelupusan al-Quran Lusuh (2011), menunjukkan bahawa sebanyak 10 juta buah buku agama dan kitab dicetak setiap tahun bagi kegunaan seramai 700,000 anak-anak orang Islam yang belajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah agama di seluruh negara. Selain itu, dianggarkan sebanyak 200-250 ribu tan bahan cetakan yang mengandungi ayat al-Quran telah terkumpul setiap tahun akibat tidak dilupuskan dengan betul (Zainudin, 2011; Rahmat Mahdan, 2012).

Bencana alam juga menjadi penyumbang lambakan. Banjir yang telah melanda beberapa buah tempat di Malaysia telah memberi kesan terhadap jumlah bahan cetakan yang perlu dilupuskan. Premis pelupusan menghadapi situasi agak sukar kerana bahan cetakan yang basah akibat banjir perlu menjalani proses pengeringan terlebih dahulu sekaligus memberi kesan kepada tenaga kerja, tempat dan masa.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan pendekatan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes (case study). Kajian kes merupakan penyelidikan yang dilakukan secara intensif oleh penyelidik terhadap satu unit sosial seperti individu, satu keluarga, satu kampung, satu sekolah atau satu masyarakat (Mohd Majid, 1998). Kaedah kajian kes merupakan satu inkuiri empirikal untuk menyiasat sesuatu fenomena dalam konteks sebenar dengan penggunaan pelbagai kaedah untuk memperolehi data (Yin, 1994). Kes yang dimaksudkan di dalam kajian ini adalah Tatacara Pengendalian Proses Pelupusan Cetakan Ayat Al-Quran: Kajian di Pusat Pemurnian al-Quran dan Kitab Rosak (PPMAQ) di Kulim. Pemilihan lokasi kajian dipilih berdasarkan hasil pemerhatian awal yang mendapati PPMAQ merupakan pusat pelupusan al-Quran terbesar di Malaysia yang menjalankan proses pelupusan al-Quran. Bagi proses pengumpulan data, kajian ini menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Temu bual dijalankan terhadap pengurus dan pelaksana PPMAQ. Kaedah pemerhatian pula dijalankan supaya pengkaji dapat memahami



dengan jelas sesuatu isu yang berkaitan dengan tatacara pelupusan yang digunakan bagi setiap premis tersebut. Data yang diperoleh, ditranskripsi dan dianalisis secara tematik.

4.0 TATACARA MENGENDALI PROSES PELUPUSAN BAHAN YANG MENGANDUNGI CETAKAN AYAT AL-QURAN DI PUSAT PEMURNIAN AL-QURAN (PPMAQ) KULIM KEDAH

Individu yang dipertanggungjawab untuk menguruskan proses pelupusan bahan cetakan yang mengandungi ayat al-Quran perlu mengetahui perkara yang sewajarnya dilakukan sebelum dan semasa dan selepas proses pembakaran selesai. Pengetahuan tentang kewajaran ini amat penting untuk menjamin suatu perkara itu dilakukan dengan baik atau sebaliknya.

Antara persediaan sebelum proses pengendalian proses pelupusan ialah menyediakan tempat pembakaran, kelengkapan untuk melepaskan bongkah-bongkah abu, serta pengendali yang dapat mematuhi tatacara pengendalian. Semasa pengendalian pula, proses hendaklah dilakukan dengan penuh cermat kerana bahan yang dikendalikan itu merupakan sesuatu yang dihormati. Ketidaktelitian dan kecuaiian bakal menyebabkan akibat yang tidak baik seperti jika tidak teliti dalam proses membakar bahan, ianya akan menyebabkan bahan tidak sempurna terbakar. Untuk proses selepas pembakaran, persediaan tersebut merangkumi proses pembekuan, logistik dan pelepasan di laut.

Di PPMAQ ini terdapat 10 perkara yang dijadikan SOP pengendalian dan pengkaji menggunakan perkataan yang digunakan oleh pihak premis iaitu memperbanyakkan niat, menutup aurat, berwuduk, menjaga adab yang tinggi dengan al-Quran, tidak merokok dan vape, memastikan kawasan sentiasa bersih, susunan mushaf berada di tempat yang tinggi, tidak melangkah tempat abu al-Quran dan cermat dan teliti ketika melakukan proses pemurnian (pelupusan).

5.0 ADAB SEBELUM PROSES PENGENDALIAN PELUPUSAN BAHAN CETAKAN YANG MENGANDUNGI AYAT AL-QURAN DIJALANKAN:

5.1 Memperbanyakkan Niat

Menurut pihak pengurusan premis, memperbanyakkan niat yang dimaksudkan ialah memperbanyakkan niat-niat yang baik semasa melakukan kerja-kerja pelupusan. Sekiranya terdapat hajat, maka elok untuk seseorang petugas memohon hajat itu agar diperkenankan Allah. Ini adalah kerana pekerjaan berkhidmat kepada al-Quran ini, menjadi wasilah dan pemudah untuk mendapat perkenan dari Allah SWT. Di PPMAQ, untuk menjaga kesopanan terhadap Al-Quran mereka menggunakan istilah pemurnian sebagai ganti istilah pelupusan. Menurut beliau juga istilah pelupusan membawa pengertian yang negatif dan tidak sesuai digunakan di PPMAQ. (Temu bual Khalil, 2023).

5.2 Menutup Aurat

Pada asasnya dalam syariah Islam, sesiapa sahaja yang menyentuh mushaf al-Quran tidak diwajibkan menutup aurat. Namun, pihak PPMAQ telah menetapkan bahawa aurat hendaklah ditutup ketika mengendalikan proses pelupusan. Ketetapan ini didapati menepati syarak dari sudut yang lain iaitu menutup aurat ketika bekerja sesama berlainan jantina.

5.3 Dalam Keadaan Berwudhu'

Individu yang mengendalikan pelupusan al-Quran di PPMAQ perlu memastikan diri mereka dalam keadaan berwudhu' ketika menjalankan proses pelupusan al-Quran (Temu bual Premis, 2023). Peraturan ini adalah selari dengan tuntutan syarak, iaitu tidak menyentuhnya melainkan berada dalam keadaan suci. Hal ini bertepatan dengan Firman Allah SWT dalam surah al-Waqiah ayat 79:

لَّا يَمَسُّهُ إِلَّا الْمُطَهَّرُونَ

Maksudnya:

Yang tidak disentuh melainkan oleh makhluk-makhluk yang diakui bersih suci.



5.4 Adab Semasa Proses Pengendalian Pelupusan Bahan Cetakan Yang Mengandungi Ayat Al-Quran Dijalankan: Menjaga Adab Yang Tinggi Dengan Al-Quran

Sebagaimana mushaf Al-Quran dimuliakan ketika seseorang menanggung dan menggunakannya, maka dengan adab-adab ketika proses melupuskan al-Quran juga perlu dijaga. Berdasarkan hasil temubual yang dijalankan, tatacara dan adab amat diberi penekanan oleh pihak premis. Ketika menjalankan prosedur pelupusan, mereka perlu memegangnya dengan berhati-hati, meletakkannya dengan tertib. Jika terdapat helaian-helaian yang jatuh atau abu yang berterbangan, mereka akan mengutipnya sehabis mungkin.

5.5 Memastikan Kawasan Pengendalian Pelupusan Sentiasa Bersih

Pihak PPMAQ sentiasa memastikan kawasan pengendalian pelupusan sentiasa bersih, bebas daripada unsur-unsur yang membahayakan keselamatan dan kesihatan. Kawasan pengendalian pelupusan dipastikan sentiasa bersih bagi mengelakkan kehadiran binatang dan serangga pembawa penyakit seperti tikus, nyamuk, lalat, lipas dan seumpamanya. Selain itu juga, unsur-unsur yang boleh mencemarkan air, makanan, udara dan tanah juga diperhati dan dipantau supaya tidak berlaku perkara yang tidak diinginkan.

5.6 Susunan Mushaf Berada di Tempat Yang Tinggi

Sepanjang menjalankan proses pelupusan, individu yang terlibat dalam proses pelupusan ini akan memastikan susunan mashaf berada di tempat yang sewajarnya, tinggi daripada tempat berpijak, dan orang yang berjalan di kawasan tersebut akan bergerak dengan cermat dan teliti. Adab ini perlu diamal untuk mengelakkan terlangkah atau terpijak cebisan-cebisan helaian mushaf Al-Quran dan abunya secara tidak sengaja.

Salah satu cara kita menghormati al-Quran adalah dengan meletakkannya di tempat yang tinggi dan selamat. Al-Quran yang dikumpul untuk dilupuskan perlu diletakkan di tempat tinggi sekurang-kurangnya tinggi sedikit dari aras kaki, atau diletakkan di atas kerusi, dan diletakkan di kawasan bukan laluan awam. Musharraf Hussain (2012) turut menjelaskan dalam kajiannya, teks agama juga termasuk helaian al-Quran yang koyak perlu diletakkan di tempat yang suci dan bersih.

Imam al-Nawawi (2003), menekankan bahawa antara kaedah lain bagi menghormati kitab suci al-Quran ialah tidak boleh mencampakkan dan menindih dengan sesuatu di atasnya. Dalam hal ini, beliau menjelaskan bahawa apabila seseorang individu Islam itu melempar atau mencampakkan mushaf ke tempat-tempat yang kotor dan jijik, dia dihukumkan sebagai kafir. Begitu juga haram meletakkan sesuatu di atasnya sekalipun dengan kitab-kitab agama. Sebagaimana yang telah diriwayatkan di dalam musnad al-Darimi bahawa 'Ikrimah ibn Abu Jahal meletakkan mushaf di mukanya (separasnya muka) seraya berkata, "Kitab Tuhanku, kitab Tuhanku." Berdasarkan riwayat ini adalah wajar meletakkan al-Quran itu di tempat yang sesuai seperti di atas kepala dan tidak di tempat yang hina dan tercemar (Siti Aisyah & Mohd Nazri, 2019).

5.7 Tidak Melangkah Abu al-Quran

Pihak premis memastikan abu al-Quran iaitu hasil pembakaran dikutip dengan sempurna setelah proses pembakaran selesai. Terdapat satu saluran khas di lantai relau berfungsi mengalirkan saki baki debu yang tinggal. Lantai akan disiram dan abu akan bercampur dengan air, dialirkan terus ke tangki khas.

5.8 Cermat Dan Teliti Ketika Melakukan Proses Pengendalian Pelupusan

Pihak premis, PPMAQ melakukan semua proses dengan cermat dan teliti. Tidak setakat menyediakan individu-individu yang terlatih dan premis yang patuh piawai, bahkan dilengkapi dengan Standart Operating Procedure (SOP) untuk proses pengendalian. Pengkaji mendapati para petugas melakukan tugas dengan penuh tertib. Bermula daripada penyimpanan stok pelupusan bahan seterusnya pengeringan, pembakaran dan pengurusan abu, semuanya dilakukan dengan penuh hati-hati. Suara bernada tinggi juga tidak kedengaran.



5.9 Tidak Merokok Dan Vape

Tidak merokok dan tidak menghisap vape turut menjadi ditekankan dalam tatacara pelupusan di PPMAQ. Ianya diwujudkan supaya tiada pekerja yang merasa tidak nyaman dengan asap dan baunya. Langkah tersebut juga adalah sebagai langkah pencegahan berlakunya kebakaran akibat puntung rokok dibuang merata-rata.

5.10 Memakai Kasut yang Disediakan

Salah satu peraturan yang ditetapkan oleh PPMAQ juga ialah memakai kasut yang telah disediakan. Ianya bertujuan meningkatkan tahap keselamatan para pekerja ketika proses pemurnian tersebut dilaksanakan. Di samping itu, kasut yang disediakan ini hanya digunakan di kawasan tertentu premis sahaja. Ketetapan ni merupakan inisiatif yang diambil oleh pihak premis untuk lebih berhati-hati agar dapat menjaga keselamatan dan kesejahteraan para pekerja ketika menjalankan proses pemurnian tersebut.

6.0 Tatacara Pengendalian Bahan Cetakan Yang Mengandungi Ayat Al-Quran

Berdasarkan hasil temubual kajian yang dijalankan bersama pihak premis Pusat Pemurnian Mushaf al-Quran (PPMAQ) Kulim, Kedah mendapati bahan cetakan yang bakal dimurnikan tersebut akan melalui aturan dan langkah yang ditetapkan. Ianya adalah seperti berikut:

6.1 Mengumpulkan al-Quran

Berdasarkan temu bual yang dijalankan ke atas pihak PPMAQ, sebelum memulakan proses pelupusan al-Quran, mereka akan mengumpulkan bahan cetakan yang perlu dilupuskan tersebut di suatu tempat khas yang disediakan. Bahan cetakan yang dilupuskan bukan hanya berbentuk al-Quran sahaja malah terdapat juga buku-buku agama dan bahan cetakan yang mengandungi ayat al-Quran seperti buku sekolah, buku KAFA, kertas peperiksaan, buku ilmiah dan sebagainya. Kemudian, mereka akan mengoyak dan mencarik bahan cetakan ini sehelai demi sehelai. Jika terdapat bahan cetakan yang basah, helaian tersebut dikeringkan sepenuhnya terlebih dahulu sebelum memulakan proses membakar.

Seterusnya, bahan cetakan tersebut akan diteruskan dengan proses pembakaran. Bahan cetakan yang dibakar hendaklah dibakar secara menyeluruh tanpa meninggalkan mana-mana bahagian yang tidak terbakar. Bahan-bahan atau abu yang mengandungi ayat-ayat al-Quran yang telah dibakar akan dipastikan dikumpulkan dengan baik supaya tidak ditiup angin atau tumpah dan bersepah.

Menurut pihak pengurusan PPMAQ, helaian al-Quran dibakar secara serentak bersama dokumen lain. Menurut beliau, jika terdapat abu yang dibakar berterbangan, ia mengambil kira abu tersebut bukan sepenuhnya ayat al-Quran yang berterbangan.

6.2 Proses Pembakaran

Bahan cetakan akan dibakar dalam satu relau khas yang dibina dengan binaan batu. Relau khas tersebut perlu dipanaskan menggunakan kayu api dan dibakar sehingga abu menjadi serbuk putih. Pembakaran ini hanya membakar bahan cetakan kertas sahaja tanpa bercampur dengan plastik, kain dan lain-lain. Berdasarkan temu bual bersama pihak PPMAQ, mereka menyatakan terdapat syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) supaya menambah 30 peratus kertas biasa (kertas bukan bercetak ayat Al-Quran) dalam setiap sesi pembakaran supaya abu yang terhasil daripada pembakaran nanti bukan 100 peratus abu daripada mushaf dan seumpamanya. Sekiranya terlangkah atau berlaku sesuatu yang tidak diinginkan, maka hukumnya tidak seberat abu yang tidak bercampur.

6.3 Abu Al-Quran Dikumpul Dan Dibekukan Untuk Dialir Ke Laut



Tatacara pengendalian yang terakhir adalah, peringkat apabila cetakan ayat al-Quran itu selesai dibakar sehingga menjadi abu. Abu tersebut akan melalui proses pembekuan sehingga membentuk kiub. Abu al-Quran dicampurkan dengan air dan dikacau sehingga elok teradun dan rata. Kemudian, abu tersebut diletakkan ke dalam acuan yang telah disediakan. Tujuan bahan-bahan ini dikiubkan terlebih dahulu adalah untuk mengelakkan abu-abu itu daripada berterbangan dan untuk memudahkan proses pembuangan kiub abu ke dalam laut.

Berdasarkan hasil temu bual yang dijalankan terhadap pihak pengurusan PPMAQ, apabila jumlah abu telah mencukupi untuk dibawa ke laut, ianya akan dimuatkan ke dalam bot. Sebelum itu, pihak pengurusan PPMAQ akan berurusan dengan pihak pejabat agama dan pihak keselamatan seperti polis dan Maritim turut terlibat. Proses pembuangan kiub ke dalam laut dibolehkan kerana tekanan dan air laut dalam bakal menghancurkan kiub tersebut dan menepati syarat yang telah dianjurkan, iaitu membuangnya ke kawasan bukan laluan orang ramai.

7.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, proses pengendalian pelupusan al-Quran yang dilaksanakan di PPMAQ seboleh-bolehnya mengikut piawai dan tatacara yang sepatutnya dan meletakkan maksud menghormati Al-Quran sentiasa di hadapan.. Ia terbukti dengan tatacara pengendalian yang dilaksanakan oleh pihak premis. Mereka sangat mementingkan persediaan sebelum mengendalikan bahan cetakan ayat al-Quran, adab-adab ketika menjalankan proses tersebut dan tatacara yang dilaksanakan dalam mengendalikan bahan cetakan ayat al-Quran. Dalam menjalankan proses kadangkala terdapat jua kekangan seperti kekurangan tenaga, tempat dan limitasi beban pembakar. Namun, pihak premis dapat menanganinya dengan baik bahkan ada ketikanya pihak premis datang ke negeri jauh seperti ke Selangor untuk mengambil bahan yang hendak dimurnikan ketika banjir buruk melanda ketika itu dan tiada kos yang dikenakan. Justeru, sokongan dan kerjasama daripada masyarakat sekeliling amat diperlukan bagi memastikan ayat suci al-Quran terus terpelihara. Perbincangan tatacara pengendalian pelupusan mushaf ini berharap dapat memberi satu solusi yang terbaik dalam proses pengurusan pelupusan di negara Malaysia demi membendung lambakan teks cetakan Al-Quran seterusnya dapat memelihara alam sekitar di persada zaman.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak UIS atas peluang menyertai Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (2022)

RUJUKAN

- Abd Rahman Abd Ghani. (2009). Pemeliharaan al-Quran: Kajian di Unit Kawalan Teks al-Quran Kementerian Keselamatan dalam Negeri. *Kuala Lumpur: Universiti Malaya*.
- Abd Rahman Abd Ghani. (2009). Rasm Uthmani Pelengkap Pembacaan al-Qur'an. *Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah*.
- Amin Ridzuan Ishak. (2017). Dua tan abu al-Quran dilupus. Berita Harian Online. 2 Oktober. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2017/10/332702/2-tan-abu-al-quran-dilupus> [4 Mac 2019]
- Ainul Kauthar Binti Karim. (2017). Amalan Pengurusan Pelupusan Bahan Al-Quran di Malaysia. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. 1-57.
- Ahmad Salihin Nasaruddin & Latifah Abdul Majid. (2022). Sejarah Pemeliharaan dan Pemuliharaan Mushaf al-Quran. *Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 7(2): 41-48.



- Ad-Duwaisyi, Ahmad bin Abd. Ar-Rozzaq ad-Duwaisyi. (1416H). Fatawa al-Lajnah ad-Daimah al-Buhusi al-Ilmiyah wa al-Ifta. *Dar al-Ashimah*.
- Asmawati Suhid, Mohd Faizal bin Mohd Zain, Abdul Muhsin bin Ahmad & Mohd Aderi Che Noh. (2013). Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Konsep Menutup Aurat: Satu Tinjauan Umum. *The Online Journal of Islamic Education*. 1(1): 40-47.
- Borneo Post Online. (2015). Bintulu Miliki Relau Pelupusan al-Qur'an Pertama di Sarawak. 10 December. <https://www.theborneopost.com/2015/12/09/bintulu-miliki-relaupelupusan-al-quran-pertama-di-sarawak/> [26 Februari 2019].
- Fatin Mahfuzah Mohd Yusof & Tengku Intan Zarina Tengku Puji. (2014). Proses Pengurusan Pelupusan Teks-Teks Al-Quran Di Selangor: Peranan Pihak Yang Bertanggungjawab Dan Permasalahannya. Dlm. *Seminar Penyelidikan Kebangsaan 2014: Memartabatkan Kesarjanaan Melalui Penyelidikan*.
- Fatin Mahfuzah Mohd Yusof. (2015). Pengurusan Pelupusan Teks-Teks Al-Qur'an Di Negeri Selangor Dan Permasalahannya. Disertasi Sarjana, *Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2008). Garis Panduan Pembuatan, Pengendalian, Penjualan Dan Pelupusan Bahan-Bahan Penerbitan Dan Perhiasan Yang Mengandungi Ayat-Ayat Suci Al-Quran. Putrajaya: JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2009). Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Putrajaya: JAKIM.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2016). Niat dan Ikhlas. *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam Malaysia (AIES). 88-90.
- Latifah Abdul Majid, Mohd Faizulamri Mohd Saad, Hamdi Ishak, Mohd. Nasir Abdul Majid & Ameer Areff Iskandar Mohd Azhar. (2022). Pandangan dan Penilaian Ilmuan Agama Terhadap Kaedah Pelupusan Teks Al-Quran di Malaysia. *Islāmiyyāt*. 44(2): 113 – 121.
- Muhammad Kalim & Faqeer Zahid Hussain Al-Qadiri. (2015). Correct method of disposing Islamic literature. *TheSunniWay*. <https://www.thesunniway.com/articles/item/285-correct-method-of-disposing-islamic-literature>.
- Muhammad Nasrul Azim Roslan & Zulfahmi Mohamad. (2022). Kaedah-Kaedah Pelupusan Mushaf Al-Qur'an: Satu Analisis. *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, 5(1): 74-84.
- Muhammad Soleh al-Munajjid. (2016). Fatwa Adab. *Selangor*: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Musharraf Hussain. (2012). Recycling Papers with Sacred Text. 22 September.
- Nur Farisha Faiz. (2009). Mesin insinerator lupus al-Quran. Utusan Melaka. utusan.com.my [25 Julai 2018].
- Nurulfatiha Muah. (2019). Cara terhormat lupus al-Quran. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/27355/LIFESTYLE/Sinar-Islam/Cara-terhormat-%20lupus-al-Quran>.



- Noorazura Abdul Rahman. (2019). KDN rampas 2996 al-Quran, muqaddam tak ikut peraturan. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/08/600922/kdnrampas-2996-al-quran-muqaddam-tak-ikut-peraturan>.
- Norizuan Shamsuddin. (2016). Al-Quran dibakar kerana rosak: Polis. Harian Metro. <https://api.hmetro.com.my/node/179610>.
- Sahih Al-Bukhari, Abi Abdullah Muhammad Ismail al-Bukhari. (2002), Kitab Fadail al-Quran bab Jam` al-Quran. Dar Ibn Kathir.
- Sahih Muslim, Abi al-Husain Muslim bin al-Hajjaj, (1412H: 4, m.s 2298), Kitab Al-Zuhd wa al-Raqaiq Bab Al-Tathbit fi Al-Hadith wa Hukm Kitabah Al-Ilm. *Dar Ihya Al-Kutub Al-Arabiyyah*.
- Siti Aisyah Ab Gani & Mohd Nazri Ahmad. (2019). Proses Pengurusan Pelupusan Teks-Teks Al-Qur'an Di Jabatan Agama Islam Negeri Johor: Peranan Pihak Yang Bertanggungjawab Dan Permasalahannya. *International Journal of West Asian Studies*, 11(1): 45-57.
- Syahidatul Akmal Dunya. (2014). Pelihara kesucian al-Quran. Sinar Telus & Tulus Online. 14 Mac 2014.
- Taqwa Zabidi & Siti Nur Hidayah Kusnin. (2019). Pandangan Syarak Mengenai Pengurusan Pelupusan Teks atau Bahan al-Qur'an: Realiti Aplikasi di Malaysia.
- Zaid Salim. (2018). Lupus kiub abu al-Quran di laut. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/07/363585/lupus-kiub-abu-al-quran-di-laut-metrotv>.
- Zaini Nasohah. (2005). Undang-undang penguatkuasa fatwa di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat* 27(1): 25-44.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2014). Irsyad al-Fatwa ke-12: Melupuskan al-Quran lama. Laman Web Rasmi Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2051-12> [12 Disember 2019].